

# KERATAN AKHBAR

## SINAR HARIAN

15 MAC 2021 ( ISNIN )

### PIK diperkasa sebagai balai raya komuniti digital

**KUANTAN** - Pusat Internet Komuniti (PIK) akan diperkasa sebagai balai raya komuniti digital bagi merapatkan jurang teknologi antara masyarakat terutama di kawasan luar bandar.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, bagi tujuan itu kementeriannya menggalakkan setiap PIK mempelbagaikan aktiviti digitalnya.

"PIK kini sudah menyediakan pelbagai kemudahan seperti e-tuisyen, e-dagang, e-spot dan yang terkini C-Heart.

"Jadi, atas sebab itu, kita hendak jadikan PIK ini sebagai model sebagai sebuah pusat internet yang bersifat balai raya komuniti digital. PIK Kampung Cherating merupakan projek pelopor sebelum dikembangkan ke PIK di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata demikian



Saifuddin (kanan) melawat PIK Kampung Cherating selepas pelancaran aplikasi C-Heart pada Ahad.

kian pada sidang akhbar selepas merasmikan Pelancaran Aplikasi C-Heart di PIK Kampung Cherating pada Ahad.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif TM ONE Ahmad Taufek Omar; Pengasas DATA8 Sdn Bhd Rajifah Ramli; Pengarah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Pahang, Zahari Ismail dan Pengurus Besar Telekom Malaysia Pa-

hang, Datuk Zulfikri Hashim.

Saifuddin berkata, kementerian perlu menambah baik kemudahan seperti menambah infrastruktur, menyediakan kafe, menambah su-karelawan dan kemudahan pengangkutan kepada penduduk setempat.

Jelasnya, setakat ini, terdapat 873 PIK di seluruh negara di bawah seliaan SKMM.